

UNTUK SIARAN SEGERA



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2023**

Kementerian Pendidikan Malaysia memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2023 akan dikeluarkan pada **26 Mac 2024 (Selasa)**. Seramai 4,058 orang calon telah mendaftar untuk menduduki peperiksaan STAM Tahun 2023 di 131 buah pusat peperiksaan seluruh negara.

Calon sekolah boleh memperoleh keputusan peperiksaan STAM Tahun 2023 daripada sekolah masing-masing **mulai pukul 10.00 pagi** pada tarikh tersebut. Bagi calon persendirian, keputusan peperiksaan akan dihantar melalui pos atau calon boleh menghubungi jabatan pendidikan negeri tempat calon mendaftar untuk menduduki peperiksaan.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan peperiksaan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultstam.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STAM Tahun 2023 mulai pukul 10:00 pagi pada 26 Mac 2024 sehingga pukul 6:00 petang pada 01 April 2024; dan/atau
- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan ringkasan keputusan peperiksaan STAM Tahun 2023 dengan menaip **STAM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan **hantar ke 15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai pukul 10:00 pagi pada 26 Mac 2024 sehingga pukul 6:00 petang pada 01 April 2024.

KPM mengucapkan tahniah kepada semua calon atas keputusan peperiksaan STAM Tahun 2023.

-TAMAT-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
19 MAC 2024